

---

# Hubungan Minat dan Pengetahuan Keusahawanan dengan Kemahiran Menjana Idea Perniagaan Pelajar Tahun Akhir IPT Bidang Seni

## Relationship Between Interest and Entrepreneurship Knowledge with Business Idea Generation Skills Among Arts Department Final Year Students

---

UMAH PRIYAA GANESH & NOR AISHAH BUANG

*Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Temuan, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*  
E-mail : [p105863@siswa.ukm.edu.my](mailto:p105863@siswa.ukm.edu.my)

*Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Temuan, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*  
E-mail : [Norais@ukm.edu.my](mailto:Norais@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Minat dan pengetahuan keusahawanan merupakan faktor yang amat penting dalam kemahiran menjana idea perniagaan. Kajian ini bertujuan membincangkan hubungan minat dan pengetahuan keusahawanan dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni. Selain itu hubungan di antara latar belakang keluarga dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni turut dikaji. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dan kaedah tinjauan digunakan melalui soal selidik yang diedarkan. Analisis regresi dijalankan bagi tujuan melihat hubungan di antara pembolehubah. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan di antara minat dan pengetahuan keusahawanan dengan kemahiran menjana idea perniagaan di kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni.

**Kata Kunci :** *Bidang seni; Kemahiran menjana idea perniagaan; Latar belakang keluarga; Minat; Pengetahuan keusahawanan.*

### **ABSTRACT**

Interest and entrepreneurship knowledge is an important factor in business idea generation skills. Purpose of this research is to discuss the relationship between interest and entrepreneurship knowledge with business idea generation skills among arts department's final year students from Higher Educational Institution. Other than that, the relationship between family background with business idea generation skills among arts department's final year students from Higher Educational Institution has been discussed as well. This research is a quantitative type of research and survey methodology has been used through distributed questionnaire. Regression analysis was performed to see the relationship between variables. The findings show that there is a significant relationship between interest and entrepreneurship knowledge with business idea generation skills among arts departments' final year students from Higher Educational Institution.

**Keywords :** *Arts department; Business idea generation skills; Entrepreneurship knowledge; Family background; Interest.*

## I. PENGENALAN

Sejak awal tahun 1980-an, tahap minat dalam bidang keusahawanan makin berkembang di seluruh dunia (Klofsten, 2000)[1]. Menurut Fauziah (2002) beberapa usaha telah diambil bagi memupuk semangat keusahawanan apabila menyedari kepentingan usahawan dalam perkembangan ekonomi[2]. Dalam hal ini, keusahawanan dianggap sebagai alternatif untuk mewujudkan pekerjaan dan mencapai kedudukan ekonomi yang lebih baik. Selain itu keusahawanan juga dianggap sebagai elemen penting dan dinamik dalam ekonomi moden kini. Banyak perniagaan, termasuklah perusahaan enterpris kecil dan sederhana telah menjadi sumber utama dalam penciptaan pekerjaan baru. Usahawan telah memberikan sumbangan besar dalam memperkenalkan produk atau perkhidmatan baru dan membantu dalam penjaan ekonomi berdaya saing di pasaran dunia dalam pelbagai bidang.

Baru-baru ini kerajaan Malaysia telah menyediakan PRISMA iaitu Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia kepada pengusaha industri kreatif. PRISMA merupakan salah satu inisiatif penting jangka pendek daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd. bagi membantu kelangsungan dan kelestarian penggiat dan pemain industri di Malaysia sejajar dengan pembudayaan norma baharu berikutan dengan pandemik COVID-19 (MDEC, 2021). Program Pemasaran & Pemadanan Perniagaan Kandungan Kreatif Digital (2PS) merupakan satu program yang berinisiatif untuk memberi bantuan kepada studio yang menawarkan perkhidmatan kandungan kreatif digital dan yang ingin mengkomersialkan harta intelek mereka termasuklah graduan yang membuat *freelance*. Tujuan program ini adalah untuk mendedahkan hasil kerja usahawan kreatif digital kepada pasaran antarabangsa disamping mewujudkan peluang perniagaan untuk harta intelek atau mempromosi perkhidmatan kandungan kreatif digital mereka. Selain itu, program ini mampu mewujudkan peluang penjualan harta intelek atau perkhidmatan kandungan kreatif digital serta memupuk ramai lagi orang untuk menceburi keusahawanan industri kreatif (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2021).

Kini kebanyakan universiti awam dan institusi pengajian tinggi termasuk institusi swasta telah melakukan pengajaran kursus keusahawanan kepada semua pelajar tanpa mengira bidang pengajian termasuk bidang seni. Hal ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan ke arah penggalakkan aktiviti

keusahawanan di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya pelajar institusi pengajian tinggi (Seng et al., 2019)[3]. Berikutan dengan perkara ini, pihak kerajaan telah melakukan perbelanjaan yang besar bagi tujuan pembangunan dan penyelidikan demi melahirkan graduan yang berkeupayaan tinggi dalam bidang usahawan (Aziz et al., 2011)[4]. Anderson (2014) menganggap bahawa pereka grafik juga mempunyai trait yang hampir sama dengan trait usahawan[5]. Ini menunjukkan bahawa pereka grafik atau graduan seni memang mempunyai trait keusahawanan dalam diri mereka. Bidang seni adalah amat luas dan mempunyai peluang yang besar untuk diusahakan sebagai perniagaan atau sumber pendapatan.

Industri Kraftangan Negara (IKN) merupakan salah satu institusi yang diwujudkan untuk melahirkan graduan dengan pelbagai bakat baru dalam bidang seni tanah air. Hal ini dapat memastikan seni warisan terus dipelihara pada masa akan datang. Minat terhadap keusahawanan dan bidang yang diceburi harus dikekalkan supaya dapat memantapkan jati diri dan menambahkan kemahiran yang tinggi dalam bidang tertentu.

## II. PERNYATAAN MASALAH

Pelbagai usaha diambil oleh pihak kerajaan dalam memupuk penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan di samping memelihara warisan negara. Kekurangan penglibatan lepasan graduan dalam pengusahaan bidang seni menyebabkan usaha kerajaan dalam memartabatkan seni warisan negara sudah pasti tidak mencapai objektif yang disasarkan. Kecenderungan graduan untuk bekerja di sektor lain adalah sangat tinggi berbanding dengan segelintir graduan yang masih berminat di dalam bidang perusahaan seni seperti penghasilan produk kraftangan (Rusdi, 2011)[6].

Graduan seni meneruskan kerjaya seni mereka dalam bidang pendidikan dengan berkhidmat sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi atau guru di sekolah, pengurusan seni di sektor awam atau swasta dan didapati bahawa hanya segelintir graduan menjadi usahawan reka bentuk grafik, seramik, batik, seni reka fesyen pakaian, produk kraf dan menjadikan bidang ini sepenuh masa (Noh et al., 2019)[7]. Terdapat juga graduan yang menceburkan diri sebagai penulis dan pengkritik seni. Selebihnya, didapati tidak meneruskan kerjaya seni kreatif setelah tamat belajar. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa graduan bidang seni menghadapi masalah dalam penjaan idea perniagaan.

Menurut Din dan rakan-rakan (2016), graduan cenderung untuk memilih pekerjaan di sektor awam dan swasta disebabkan kurang kemahiran dan

ilmu keusahawanan[8]. Mereka juga mempercayai kebanyakan graduan menganggap bahawa kerjaya sebagai seorang usahawan kurang sesuai akibat daripada tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bidang ini. Walaupun penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan semakin meningkat secara gradual, namun secara purata jumlahnya masih tidak memuaskan. Persepsi pelajar bidang seni terhadap minat, pengetahuan dan penjiwaan idea terhadap kerjaya keusahawanan harus diperbetulkan agar keusahawanan dipilih sebagai salah satu peluang pekerjaan sejurus mereka menamatkan pengajian. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti hubungan minat dan pengetahuan keusahawanan dengan kemahiran menjana idea perniagaan di kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni. Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

- i. Menenalpasti tahap minat dan pengetahuan keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni.
- ii. Menenalpasti persepsi tahap kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni.
- iii. Menenalpasti hubungan minat dan pengetahuan keusahawanan dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni.
- iv. Menenalpasti hubungan latar belakang keluarga berniaga dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni

### III. SOROTAN LITERATUR

#### A. Definisi Usahawan dan Keusahawanan

Usahawan dalam Bahasa Inggeris adalah “entrepreneur”. Ia berasal dari Bahasa Perancis bermaksud memikul atau mencuba (Abu Bakar et al., 2010)[9]. Usahawan merupakan seorang yang berusaha untuk mencapai sesuatu terutamanya dalam bidang perniagaan. Menurut Schumpeter (1934) usahawan merupakan seorang buruh yang memiliki tingkah laku yang unik, berinovasi selalu dan suka membuat pembaharuan atau membuat perubahan serta seorang yang kreatif dan bertanggungjawab[10]. Menurut Mazzarol (2011) pula keusahawanan adalah satu proses ekonomi yang bergerak ke hadapan melalui bertindak, bagi kreatif atau motivasi[11]. Kursus keusahawanan selalunya bertumpu kepada penyediaan sumber yang membawa kepada pengembangan idea untuk permulaan dan operasi berterusan (Portuguez et al, 2020)[12]. Kursus keusahawanan bukan sahaja membantu pelajar untuk memulakan perniagaan baru, malah membantu mengembangkan kemahiran mereka bekerja. Duval (2011) berpendapat bahawa pelajar mampu mengenal

pasti peluang, cara memasarkan produk baru, menguruskan sumber dan dapat mencari penyelesaian berdasarkan pengetahuan saintifik dan teknologi yang diperoleh semasa pengajian mereka di institusi pengajian tinggi[13]. Oleh itu, bermakna kursus keusahawanan bertujuan untuk membantu pelajar memulakan perniagaan baru, dapat membantu pelajar, di samping mengembangkan kemahiran untuk berfikir secara kritis, inovatif, beretika, dan kreatif. Pada akhirnya, pengembangan kemahiran keusahawanan sejajar dengan matlamat pendidikan liberal, di mana institusi pengajian tinggi mempunyai peranan yang penting dalam memperkembangkan kemahiran ini (Fauziah, 2002)[2].

#### B. Model Pendekatan Penilaian Keusahawanan


Terdapat banyak teori yang membincangkan pendekatan berkaitan keusahawanan. Pendekatan yang dibincangkan adalah berdasarkan teori asas yang menjelaskan motivasi dan tindakan usahawan. Kuratko dan Hodgetts (2004) merangkumi pendekatan seperti dalam Rajah 1. *Entrepreneurial Assessment Approach* (Model Pendekatan Penilaian Keusahawanan) melibatkan penilaian kualitatif, kuantitatif, strategik, dan etika berkaitan dengan pengusaha, usaha, dan persekitaran (Kuratko dan Hodgetts, 2004)[14].

#### C. Minat dan Pengetahuan Keusahawanan

Minat keusahawanan merupakan dorongan yang penting dalam mempengaruhi seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan (Hisrich et al., 2008)[15]. Minat dalam kajian ini merujuk kepada kecenderungan pelajar untuk memilih kerjaya keusahawanan. Minat mampu membolehkan seseorang individu tersebut berusaha keras untuk mencapai sesuatu yang diminati. Kekurangan minat akan mempengaruhi tekad seseorang dan mampu merosotkan pencapaiannya dalam sesuatu perkara. Othman dan Misman (2015), menyatakan bahawa minat merupakan kecenderungan individu terhadap tingkah laku persekitaran[16].

Menurut Ismail (2015) minat terhadap sesuatu atau aktiviti akan mendorong pelajar untuk meneroka lebih jauh dan minat itu harus ditanam di dalam pelajar[17]. Menurut Yusof dan Sapiah (2008), sekolah adalah tempat permulaan yang sempurna bagi seorang untuk mengambil kesempatan untuk menaburkan minat dalam bidang keusahawanan[18]. Ini sejajar dengan keperibadian pelajar yang menunjukkan minat yang baik semasa proses

**Rajah 1** Model Pendekatan Penilaian Keusahawanan (Kuratko dan Hodgetts, 2004).



pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan pada sejauh mana kurikulum dan kokurikulum serta faktor sokongan pedagogi dapat meningkatkan minat pelajar dalam bidang keusahawanan.

#### D. Kemahiran Menjana Idea Perniagaan

Menurut Marakas (1999), setiap perniagaan bermula dari idea perniagaan, idea perniagaan boleh dilaksanakan dan berdaya maju untuk menjadikannya sebagai realiti[19]. Dari sudut keusahawanan, penjanaan idea mungkin melibatkan penjanaan idea perniagaan baru atau pembangunan konsep perniagaan yang boleh dilaksanakan dalam satu tempoh masa (Long, 2010)[20]. Kualiti maklumat yang diperolehi oleh usahawan dapat meningkatkan peluang penjanaan idea yang melibatkan proses yang kreatif bagi mencipta, membangunkan dan menyampaikan atau mempersembahkan idea baru dalam perniagaan. Secara am, terdapat banyak teknik untuk menjana idea berkaitan dengan kandungan pendidikan keusahawanan telah dicadangkan.

Terdapat beberapa peraturan asas bagi pemikiran kreatif iaitu mempunyai pandangan yang positif, membina idea dari kumpulan, menghasilkan idea sebanyak mana yang mampu, dan tinjauan idea yang konsisten (Morais, 2001)[21]. Secara umumnya, adalah dipercayai bahawa kaedah dan pendekatan

penjanaan idea adalah sumber motivasi yang sangat penting kepada setiap individu terutamanya bakal usahawan.

#### E. Latar Belakang Keluarga

Menurut Schumpeter (1962) latar belakang keluarga merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi perkembangan keupayaan keusahawanan[22]. Keluarga usahawan amat mempengaruhi generasi muda atau waris untuk meneruskan perniagaan keluarga mereka. Di mana ahli keluarga akan memberi sokongan dan segala bimbingan yang diperlukan mengenai perniagaan. Dengan ini seseorang individu mempunyai kemungkinan yang amat tinggi untuk menyambung perniagaan keluarga ataupun bermula perniagaan baru.

Menurut Osman (2007), minat terhadap bidang keusahawanan turut dipengaruhi oleh persekitaran keluarga di zaman kanak-kanak iaitu melalui pekerjaan ibu bapa[23]. Sebagai contoh, jika pelajar bidang seni berlatar belakang dari keluarga usahawan maka mereka mungkin mempunyai idea untuk memulakan perniagaan yang berkaitan dengan seni.

#### IV. KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kuantitatif telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Soal selidik yang mengandungi empat bahagian telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi tujuan pengumpulan data. Bahagian A (5 item) disoal berkenaan ciri demografi pelajar, Bahagian B (10 item) disoal berkenaan minat dan pengetahuan keusahawanan, Bahagian C (8 item) pula berkaitan kemahiran penjana idea perniagaan, dan Bahagian D (7) disoal berkenaan latar belakang keluarga.

Kajian ini menggunakan reka bentuk persampelan rawak mudah bagi menentukan bilangan sampel. Jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) telah dirujuk bagi menentukan jumlah sampel. Jumlah sampel kajian ini adalah 132 orang pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Responden terdiri daripada pelajar tahun akhir di IPT bidang seni. Pelajar tahun akhir IPT bidang seni yang dipilih sebagai responden adalah dari Universiti Sains Malaysia (USM), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dan Management and Science University (MSU).

Sebanyak 30 pelajar telah terlibat bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Hasil analisis menunjukkan kesahan instrument melebihi 0.30 dan kebolehpercayaan (Cronbach's alpha) melebihi 0.70, menunjukkan bahawa soal selidik adalah sah. Skor min telah digunakan bagi menjawab soalan dan menginterpretasi dapatan kajian.

## V. HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri demografi pelajar tahun akhir IPT bidang seni. Kajian ini terdiri daripada 54 pelajar lelaki (40.9%) dan seramai 78 orang (59%) adalah pelajar perempuan. Dari segi bangsa, majoriti pelajar dalam kajian ini adalah Melayu iaitu sebanyak 91 pelajar (68.9%), diikuti oleh pelajar Cina sebanyak 24 orang (18.2%) dan minoriti iaitu 17 pelajar (12.8%) adalah merupakan bangsa India. Dari segi umur, bilangan pelajar berumur 20 hingga 22 tahun adalah sebanyak 36 orang (27.3%), manakala pelajar berusia 23 hingga 25 tahun adalah sebanyak 54 orang (40.9%) dan 42 orang (31.8%) pula merupakan pelajar berusia 26 tahun dan keatas. Aspek terakhir dalam bahagian demografi adalah HPNM. Daripada jumlah responden iaitu 132 pelajar, 31 orang (23.5%) responden mempunyai purata gred 2.00 hingga 2.50, manakala

HPNM di antara 2.51 hingga 2.99 adalah 46 orang (34.8%) pelajar dan sebanyak 55 orang (41.7%) pelajar mempunyai HPNM melebihi 3.00.

Analisis kebolehpercayaan dilakukan bagi mengukur tahap konsistensi dalaman serta kesahan kandungan instrumen. Cronbach's Alpha akan digunakan untuk menganalisis kebolehpercayaan. Nilai kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) lebih atau menghampiri 1 bermakna pembolehubah bersandar adalah meyakinkan manakala nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.6 dianggap sebagai lemah. Berdasarkan Jadual 2, nilai Cronbach's Alpha menunjukkan lebih dari 0.70 yang bermaksud soalan bagi setiap item adalah konsisten. Minat dan pengetahuan keusahawanan mempunyai nilai Cronbach's Alpha yang tertinggi iaitu 0.945 (N=10), diikuti dengan kemahiran menjana idea perniagaan dengan nilai 0.907 (N=8). Nilai Cronbach's Alpha yang paling rendah adalah latar belakang keluarga iaitu 0.897 (N=7), dimana nilai kebolehpercayaan masih lebih daripada 0.70.

Ujian normaliti akan dinilai dengan menggunakan kaedah skewness dan kurtosis. Ujian ini dijalankan bagi menilai taburan data bahawa normal ataupun tidak. Nilai positif bagi skewness menuju ke arah positif (kanan), manakala nilai negatif bagi skewness pula menuju ke arah negatif (kiri). Sama juga untuk kurtosis, nilai positif akan menunjukkan

**Jadual 1:** Ciri-ciri demografi pelajar

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	54	40.9
Perempuan	78	59.0
Bangsa		
Melayu	91	68.9
Cina	24	18.2
India	17	12.8
Umur		
20-22	36	27.3
23-25	54	40.9
>26	42	31.8
HPNM		
2.00-2.50	31	23.5
2.51-2.99	46	34.8
>3.00	55	41.7

**Jadual 2:** Nilai Cronbach's Alpha

Pembolehubah	Jumlah Item	Nilai Cronbach's Alpha
Minat dan Pengetahuan Keusahawanan	10	0.945
Kemahiran Menjana Idea Perniagaan	8	0.907
Latar Belakang Keluarga	7	0.896

kepencongan ke arah positif (kanan), malah nilai negatif kurtosis pula akan menunjukkan kepencongan ke arah negatif (kiri). Jadual 3 menunjukkan kesemua nilai bagi skewness mahupun kurtosis adalah pada julat -1 dan +1. Ini menunjukkan bahawa semua pembolehubah adalah bertaburan secara normal.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan pengetahuan keusahawanan dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni.

Jadual 4 menunjukkan nilai *adjusted R square* adalah 0.193 dan nilai *R square* pula merupakan 0.196. Dengan ini boleh dikatakan bahawa 19.6% daripada minat dan pengetahuan keusahawanan dapat menyumbang kepada kemahiran menjana idea perniagaan.

Minat dan pengetahuan keusahawanan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni. Dapatan kajian disokong oleh Heong (2015)[24], seseorang yang mempunyai sifat dalaman seperti minat mampu menjana idea yang lebih kreatif dan mudah.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang keluarga berniaga dengan kemahiran menjana idea perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPT bidang seni.

Jadual 5 menunjukkan nilai *adjusted R square* adalah 0.360 dan nilai *R square* pula merupakan 0.363. *R square* menggambarkan tentang kekuatan hubungan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran menjana idea perniagaan. Dengan ini boleh dikatakan terdapat varian sebanyak 36.3% di dalam data dan juga bermaksud 36.3% daripada latar belakang keluarga dapat menyumbang kepada kemahiran menjana idea perniagaan. Dapatan yang dilaporkan turut disokong oleh Osman (2007) di mana minat terhadap keusahawanan atau perniagaan dipengaruhi oleh persekitaran keluarga di zaman kanak-kanak iaitu melalui pekerjaan ibu bapa[23].

Selain itu, nilai-p hendaklah kurang daripada 0.001 ( $p < 0.001$ ) bagi menunjukkan hubungan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran menjana idea perniagaan adalah signifikan secara statistik dan menguji hipotesis yang kedua iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran menjana idea perniagaan. Berdasarkan Jadual 6, nilai-p adalah 0.000 iaitu kurang daripada 0.001 yang bermaksud hubungan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran menjana idea perniagaan adalah signifikan. Justeru, hipotesis kedua diterima. Dapatan kajian disokong oleh Schumpeter (1962), latar belakang keluarga merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi perkembangan keupayaan keusahawanan[22].

**Jadual 3:** Ujian Normaliti

<b>Pembolehubah</b>	<b>Nilai Skewness</b>	<b>Nilai Kurtosis</b>
Minat dan Pengetahuan Keusahawanan	-0.378	-0.027
Kemahiran Menjana Idea Perniagaan	-0.289	-0.204
Latar Belakang Keluarga	-0.317	-0.287

**Jadual 4:** Model Summary (H1)

<b>Pembolehubah</b>	<b>R</b>	<b>R Square</b>	<b>Adjusted R Square</b>
Minat dan Pengetahuan Keusahawanan	0.443	0.196	0.193

**Jadual 5:** Model Summary (H2)

<b>Pembolehubah</b>	<b>R</b>	<b>R Square</b>	<b>Adjusted R Square</b>
Latar Belakang Keluarga	0.602	0.363	0.360

Jadual 6: ANOVA

Pembolehubah	Sum of Square	df	Mean Square	F	Sig
Latar Belakang Keluarga					
Regression	94.081	1	94.081	118.789	0.000
Residual	103.752	131	0.792		
Total	197.833	132			

## VI. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji hubungan minat dan pengetahuan keusahawanan serta latar belakang keluarga terhadap kemahiran menjana idea perniagaan. Kajian ini merupakan satu rujukan bagi membuktikan bahawa pelajar selain dari jurusan perniagaan mempunyai minat terhadap keusahawanan.

Bidang seni merupakan aspek penting dalam kajian ini. Hal ini kerana, bidang seni amat luas dan mampu menghasilkan pelbagai sumber perniagaan yang berkaitan dengan seni termasuklah perniagaan percetakan, reka bentuk grafik, *freelance*, seni kraf dan lain-lain lagi. Perniagaan atau perusahaan bidang seni lebih dikenali sebagai industri kreatif. Bukan semua graduan bidang seni mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya. Keinginan keusahawanan atau minat mempengaruhi seseorang individu untuk memulakan perniagaan.

Produk kreatif yang mampu dipasarkan merupakan elemen yang sangat penting dalam industri kreatif. Produk kreatif pula merupakan hasil buah daripada penjana idea kreatif seseorang individu atau kumpulan. Tahap minat dan pengetahuan graduan menjadi faktor utama dalam penjana idea disamping melahirkan graduan yang kreatif dan berbakat, yang mampu mengembangkan potensi diri dengan menjadi seorang usahawan dan memperoleh hasil daripada kebolehan diri sendiri. Maka untuk melahirkan seorang usahawan graduan seni, graduan tersebut harus mempunyai minat dan pengetahuan supaya mampu menjana idea yang kreatif dan menceburi bidang keusahawanan.

Menurut Sabarudin (2022), pelbagai pendekatan dan inisiatif telah dilakukan oleh pihak IPT termasuk mendedahkan mahasiswa dengan ilmu keusahawanan termasuk peluang bimbingan untuk menjadi usahawan dengan harapan agar mahasiswa berjaya mencipta peluang pekerjaan khususnya dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian kelak[25]. Razali (2022) pula berpendapat bahawa pihak kerajaan serta usahawan sedia ada perlu mempertimbangkan bakal muda dan memberi

bimbingan dan peluang kepada generasi muda bagi memupuk minat terhadap keusahawanan[26].

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah mencapai kedua-dua objektifnya iaitu pelajar bidang seni yang mempunyai minat dan pengetahuan keusahawanan dapat menjana idea perniagaan yang kreatif dan pelajar bidang seni yang berlatar belakang dari keluarga usahawan mempunyai kemahiran menjana idea perniagaan yang tinggi.

Justeru, dengan adanya kajian yang dijalankan, ia diharap dapat dijadikan sebagai rujukan oleh bakal penyelidik akan datang yang berminat untuk mengkaji topik yang berkaitan dengannya. Secara tidak langsung, ianya dapat menyumbang kepada pembentukan idea dalam mempelbagaikan topik yang boleh dikaji berdasarkan fokus utama kajian tersebut.

## VII. Rujukan

- [1] M. Klofsten, "Training entrepreneurship at universities: A Swedish case," *Journal of European Industrial Training*, vol. 24, no. 6, pp. 337-344, 2000.
- [2] F. Ahmad and R. Baharun, *Introducing entrepreneurship curriculum into technical disciplines: An example from Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2002.
- [3] T. Seng Te, A. Abdullah, and A. Rashid Mat, "Relationship between the selected factors with entrepreneurial career aspirations among students of community colleges in Malaysia," *KnE Social Sciences*, vol. 3, no. 12, p. 53, 2019.
- [4] M. Jaafar, A. R. Abdul-Aziz, S. A. Maideen, and S. Z. Mohd, "Entrepreneurship in the tourism industry: Issues in developing countries," *International Journal of Hospitality Management*, vol. 30, no. 4, pp. 827-835, 2011.

- [5] D. Anderson, "Graphic design and entrepreneurship: The rise of the design entrepreneur," *Creativity and Society*, pp. 1-23, 2014.
- [6] M. Rusdi, *Pengharapan dikalangan pelajar kursus akademik dan kemahiran kraf selepas menamatkan pengajian di Institut Kraf Negara (IKN): Doctoral dissertation: Universiti Teknologi Malaysia*, 2011.
- [7] L. M. Mohammad Noh, S. Abu Hassan, and N. Idris, "Cetusan Seni Jiwa: Srikandi / fakulti Seni Lukis Seni reka UiTM Cawangan Melaka," 2011.
- [8] B. Din, A. R. Anuar, and M. Usman, "Does the entrepreneurship education matters in enhancing entrepreneurial skill among students in Malaysian public universities?," pp. 107-111, 2016
- [9] R. Z. S. Sidek and N. Abu Bakar, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang Keusahawanan di UTM," *Journal of Science Mathematics Education*, pp. 1-10
- [10] J. A. Schumpeter, "Change and the Entrepreneur," *Essays of JA Schumpeter*, 1934.
- [11] T. Mazzarol, "Entrepreneurship and innovation: Readings and cases," Prahan: Tilde University Press, 2011.
- [12] M. Portuguese Castro and M. G. Gómez Zermeño, "Being an entrepreneur post-covid-19 – resilience in times of crisis: A systematic literature review," *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*, vol. 13, no. 4, pp. 721–746, 2020.
- [13] Duvall, N.; Reed Roads, T.; Haghghi, S. *Engineering students and entrepreneurship education: Involvement, Attitudes, and Outcomes. Intl. J. Eng. Educ.*, 28, pp. 425–435, 2011
- [14] F. D. Kuratko, R. Hodgettes, *M Entrepreneurship – Theory, Process, Practice*, vol. 6, 2004
- [15] Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A., "Entrepreneurship: A Process Perspective." 6. 2005.
- [16] N. Othman, and S. S. B. Misman, "Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi minat pelajar 4sph Dalam Bidang Keusahawanan," *Fakulti Pendidikan*, 2015.
- [17] M. Ismail, "Agenda mendepani Cabaran Pembangunan Abad ke 21 : Suatu Perbincangan Mengenai Konsep Keusahawanan Sosial," *UMK Repository*, 2015.
- [18] B. Yusof and B. Sapiah, "Kesediaan Untuk menceburi Bidang Keusahawanan di Kalangan pelajar." [Online]. Available: [http://eprints.utm.my/id/eprint/10747/1/KESE\\_DIAAN\\_UNTUK\\_MENCEBURI\\_BIDANG\\_KEUSAHAWANAN\\_DI\\_KALANGAN\\_PELAJAR.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10747/1/KESE_DIAAN_UNTUK_MENCEBURI_BIDANG_KEUSAHAWANAN_DI_KALANGAN_PELAJAR.pdf). 2008.
- [19] G. M. Marakas, *Decision Support Systems in the 21st Century*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall, 2003.
- [20] B. Leong, "7 tips for idea generation for start-ups," Spring – Singapore. <http://www.sgentrepreneurs.com> 2010.
- [21] R. J. Morais, "Analytical ideation: Power brainstorming, Brand Week," vol. 42, no. 3, pp. 22-23, 2001
- [22] J. A. Schumpeter, "Capitalism socialism and democracy," 1962.
- [23] M. N. Osman and M. Hassan, "Faktor-Faktor Yang telah mendorong Graduan Dan alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan," *Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia*, 2007. [Online]. Available: [eprints.utm.my](http://eprints.utm.my).
- [24] M. H. Yee, "Kesan Manual Pengintegrasian Strategi Pembelajaran Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi terhadap penjanaan idea Dalam Kalangan pelajar teknikal," thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 2015
- [25] A. Sabarudin, N. H. Lokman, N. S. Jantan, N. A. Zainuridin, A. Abd Halim, and M. A. Khoiry, "Tinjauan Keberkesanan program Keusahawanan di universiti kebangsaan



Malaysia (UKM) TERHADAP  
Kebolehpasaran Graduan Menurut  
PERSPEKTIF alumni UKM,” *Malaysian  
Journal of Social Sciences and Humanities  
(MJSSH)*, vol. 7, no. 2, 2022.

- [26] S. N. Mohamad Razali, S. Sahid, and N. Othman, “Pengaruh Pemikiran Reka Bentuk Ke Atas Keusahawanan Sosial dalam kalangan pelajar Universiti Awam,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 7, no. 1, pp. 85-98, 2022.

## AUTHOR'S INFORMATION

<p><b>Umah Priyaa A/P Ganesh</b></p> 	<p>Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Temuan, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia E-mail: <a href="mailto:p105863@siswa.ukm.edu.my">p105863@siswa.ukm.edu.my</a></p>
<p><b>Nor Aishah Buang</b></p> 	<p>Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Temuan, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia E-mail: <a href="mailto:Norais@ukm.edu.my">Norais@ukm.edu.my</a></p>